



Menganalisa Prosa Dalam Himpunan Puisi “Satu Hari Bahagi Seribu” Karya Sue Emoqwin

Oleh:

Syed Ahmad Fathi

fathi137@gmail.com

Saya pertama kali membaca tulisan-tulisan Sue melalui zine *Fagiyu*, pada masa tersebut saya belum mengenali beliau secara peribadi. Sekadar mengenali nama yang mencatat puisi-puisi dan juga tulisan beliau dalam membedah puisi orang lain. Saya dapati tulisan beliau bernas, jadi sebahagiannya ada saya nukilkan dalam buku saya yang saya tulis perihal menulis dan membaca.¹ Terutamanya pandangan beliau tentang bagaimana puisi menjadi medan penulis mempersembahkan dirinya, dalam masa yang sama, penulis bertarik tali, sebanyak mana dia mahu dedahkan kepada khalayak dan banyak mana yang dia mahu simpan untuk dirinya sendiri.

Naskhah *Satu Hari Bahagi Seribu* ini merupakan naskhah pertama Sue yang saya baca yang ditulis secara solo.² Saya dapati kebanyakan puisinya bernada melankolik, juga catatan-catatan kesedihan dan kekecewaan. Terdapat juga beberapa puisi yang merupakan terjemahan kepada puisi orang lain dan juga lirik lagu. Saya berpandangan bahawa menulis itu adalah hak penulis, manakala penafsiran penulisan adalah hak pembaca. Seperti yang ditulis oleh sarjana seperti Bart Ehrman yang mengatakan bahawa apabila kita membaca sesuatu teks, kita tidak dapat lari dari menafsirkannya.³ Tafsiran pembaca tidak akan sama dengan makna asal yang ditulis oleh penulis, kerana masing-masing menulis dan membaca dalam latar yang berbeza. Maka tafsiran yang dibuat oleh saya dalam tulisan ini besar kemungkinan bukan maksud asal Sue, tetapi apa yang saya sendiri maknai setelah membaca puisi-puisi beliau. Saya kira begitulah makna bagi sesebuah puisi itu berkembang, ia mungkin mengesankan individu berbeza dengan kesan yang berbeza, pembaca yang membaca di zaman yang berbeza juga akan memaknakkannya dengan berbeza. Oleh itu, dalam sungai zaman, sebuah puisi mungkin mengumpulkan makna-makna yang banyak dan berbeza-beza.

¹ Syed Ahmad Fathi. *Dua Sayap Ilmu*. The Biblio Press, 2023. Lihat terutamanya di halaman 147.

² Sue Emoqwin. *Satu Hari Bahagi Seribu*. Helium Books, 2023.

³ Syed Ahmad Fathi. “Sejarah Penulisan Dan Peristiwa Kitab Perjanjian Baru.” *Academia Book Review*, 2021.

Baris-Baris Yang Memberi Kesan

Apabila membaca puisi, dalam banyak keadaan, minda kita akan terbang terawang-awang, tidak semua barisnya mengesankan jiwa dan mampu memberi kita makna. Di sini, saya ingin memetik beberapa baris yang mana berjaya menangkap minda saya yang tersesat di awangan saat saya membaca bait-bait dalam naskhah ini, dan coretkan bagaimana baris-baris ini memberi saya makna.

*Ada perang yang tidak perlu...
Apa yang tidak kita izinkan
Tidak akan melukakan.*⁴

Rangkap ini saya kira memberi makna bahawa kita mampu memilih untuk terkesan akan sesuatu atau tidak. Hari ini, semua perkara disampaikan kepada kita, terutamanya dari media sosial, dari kisah artis bercerai hinggalah kepada agamawan yang saling bercakaran, jikalau kita tidak memilih, dan mahu terkesan dari semuanya, nescaya, saya kira kita akan menjadi gila. Untuk kekal waras, kita harus memilih dan menapis limpahan informasi. Bak kata orang Kedah “*choose your battles wisely*”. Kita perlu memilih isu apa yang kita mahu terlibat, masa kita di dunia sangat singkat, jika kita terlibat dengan perkara yang tidak penting, kita akan terlepas perkara-perkara yang penting.

*Dia bapamu tapi kau bukan anaknya
.....
Aku cuba meninggalkanmu tapi kau telah pandai
mengeja namaku*⁵

Rangkap baris ini bagi saya merupakan bingkisan dari kisah yang sedih perihal kerosakan keluarga. Tidak semua manusia direzekikan lahir dalam keluarga yang selamat dan bahagia. Tidak semua pasangan mampu menjadi ibu dan ayah. Ada yang hanya mampu melahirkan anak-anak, tetapi tidak mampu menjadi ibu dan ayah buat mereka. Anak-anak ditinggalkan, dibiarkan tanpa kasih sayang dan tanpa pendidikan. Sebab itu kita kadang kala tidak boleh begitu cepat menghukum, kerana kita tidak dapat memberikan hukuman yang adil tanpa mengetahui latar seseorang. Seperti E.H. Carr yang menyarankan kepada ahli sejarah untuk menengahkan pengadilan, dan melihat sesuatu dalam skala yang lebih besar, komprehensif, dan panjang.⁶ Bukan semua orang dapat apa yang kita dapat, jadi kita sukar untuk mengadili orang lain dengan objektif kerana kita tidak mengetahui situasi mereka.

*Senyum pasangan dalam ketenteraman
Lebih penting dari sepi dalam perjuangan*⁷

Rangkap ini saya kira merupakan persoalan dan kritikan Sue terhadap para aktivis dari puisinya yang bertajuk *Di mana anarkis pada usia 30-an?* Saya kira, perkara ini bukan sahaja terjadi kepada aktivis anarkis. Ia adalah fenomena yang dapat dilihat pada semua gerakan, baik kiri, kanan, juga gerakan Islam. Kebanyakan aktivis-aktivis muda yang dahulunya bertempik penuh idealisma semasa berdarah muda akan mula kendur dan hilang apabila mereka meningkat usia, apabila sudah berkerja dan berkeluarga. Mungkin ia semangat yang hilang, atau mungkin kedewasaan mengajar mereka bahawa dunia ini memang tidak adil, dan keadilan tidak dapat ditegakkan di dunia. Atau mungkin mereka mahu fokus kepada hidup dan menjaga keluarga. Tapi frasa “*sepi dalam perjuangan*” itu bagi saya memang tepat, mereka yang memilih untuk terus beridealisma ketika rakan-rakan lain telah sejuk pasti akan merasai perkara ini.

⁴ Sue Emoqwin. *Satu Hari Bahagi Seribu*. Halaman 9.

⁵ *Ibid.*, halaman 11.

⁶ Syed Ahmad Fathi. “Pemikiran Sejarah Edward Carr.” *Nota Pemikir Sejarah*, 2023.

⁷ Sue Emoqwin. *Satu Hari Bahagi Seribu*. Halaman 20-21.

Mimpi aryan

....

Tidak mahu warna sejati

*Kerna asli bukan warna dewa dewi*⁸

Baris ini merupakan kritik sosial kepada masyarakat yang gilakan kosmetik. Kegilaan ini diumpamakan dengan kegilaan bangsa Jerman satu ketika dahulu yang mahukan bangsa yang berkulit putih bermata biru, bangsa yang dianggap sebagai manusia yang sempurna. Kegilaan mereka hingga menzalimi bangsa lain. Namun kegilaan kepada kosmetik ini pada saya ada juga sisi zalimnya, di mana manusia merasakan diri mereka tidak sempurna jika warna kulit mereka tidak begitu cerah. Mereka perlu meracuni kulit-kulit mereka dengan sapuan dan racun-racun yang berbahaya dan merosakkan, namun racun ini diiklankan sebagai sesuatu yang harus digunakan untuk menjadi jelita seperti sang “dewi”.

Puisi Terjemahan Gibran

Puisi-puisi Gibran memang mengasyikkan. Ia mempunyai maksud yang dalam. Dalam naskhah ini Sue ada menterjemahkan puisi Gibran yang bertajuk *About Children*.⁹ Puisi ini saya kira adalah nasihat dan renungan bahawa anak-anak tidak sama dengan kita, dan kita tidak boleh memaksa mereka untuk menjadi kita. Saya sendiri pernah terkesan dengan puisi ini pada satu ketika dahulu ketika ia dibacakan oleh seorang gadis Portugis bernama Ana Juma, seperti Sue, sebahagiannya saya terjemahkan. Saya menjadikannya nasihat kepada diri saya sendiri dan juga kepada seorang teman yang mendirikan rumahtangga.¹⁰

Bahasa-Bahasa Yang Puitis

Selain mempunyai makna-makna yang mengesankan. Saya kira puisi yang baik perlulah mempunyai kekuatan bahasa. Walaupun puisi moden biasanya tidak terikat lagi dengan pengakhiran ritma yang sama, pemilihan bahasa-bahasa yang indah akan menjadikan puisi moden lebih berkesan, lebih seperti “puisi”. Jika tidak, ia akan menjadi seperti hanya himpunan kata-kata. Dalam naskhah ini, saya kira puisi Sue mempunyai bahasa-bahasa yang puitis.

Misalnya adalah penggunaan frasa “*sayap kersani*” yang menggambarkan kekuatan minda seorang wanita yang mampu bebas dari ikatan-ikatan yang dipaksakan kepadanya.¹¹ Bagi saya ini merupakan bahasa yang puitis dan mengindahkan gubahan bahasa.

Seperti puisi-puisi Sofia Roses yang banyak menggunakan tema alam seperti langit.¹² Puisi Sue juga ada menggunakan tema alam. Bagi saya secara peribadi, tema-tema alam ini akan membuatkan sebuah puisi itu lebih indah. Ia merupakan gambaran bahawa jiwa penulis itu jiwa yang halus sehingga dia dapat menafsirkan alamnya dalam bait-bait puisi. Misalnya, Sue ada menulis perihal bahaimana bintang disusun sebagai penunjuk jalan, namun hubungan mereka dicemburui bulan, manakala matahari menculik insan yang ditunggu itu menjelang pagi.¹³

⁸ *Ibid.*, halaman 27.

⁹ *Ibid.*, halaman 42.

¹⁰ Syed Ahmad Fathi. “Catatan Baitul Muslim 48: Puisi-Puisi Khalil Gibran”. *Meniti Jambatan Masa*, 03 Disember 2021. Pautan: <https://bersamakepuncak.blogspot.com/2021/12/catatan-baitul-muslim-48-puisi-puisi.html>

¹¹ Sue Emoqwin. *Satu Hari Bahagi Seribu*. Halaman 8.

¹² Syed Ahmad Fathi. “Penafsiran Puisi Moden ‘Surat Dari Semesta’ Karangan Sofia Roses: Penekanan Pada Makna, Bahasa, Dan Ritma.” *Academia Book Review*, 2022.

¹³ Sue Emoqwin. *Satu Hari Bahagi Seribu*. Halaman 62.

Sedikit Kritikan

Saya bersetuju dengan pemberdayaan wanita, tema yang banyak ditulis oleh Sue. Tiada masyarakat yang mampu maju jika wanita mereka mundur. Namun saya tidak bersetuju jika kita memaksakan apa yang kita maksudkan bebas kepada orang lain. Jika tafsiran kebebasan orang lain perlu sama dengan kita, maka saya kira di situ kebebasan telah hilang. Ada wanita yang memilih untuk hidup sesuai dengan luhur dan keadaan yang ada, bagi mereka mungkin itu adalah satu kebebasan, dapat bersama dengan arus masyarakat dan hidup dengan aman dalam kebersamaan. Pada saya, pilihan mereka untuk "*hidup luhur*" tidaklah wajar dikatakan sebagai "*perempuan korban*".¹⁴ Ini adalah tafsiran dan pendapat saya, ia mungkin satu penafsiran yang salah dan terpesong, mungkin Sue mempunyai makna yang lebih murni dari prasangka saya.

Kesimpulan

Di akhir naskah ini, Sue ada menulis perihal sifat-sifat puisi.

..puisi adalah pintu kepada kesakitan lalu

.....

aksaranya basah dengan kesedihan

....

*puisi hidup dengan nyawanya sendiri.*¹⁵

Dari rangkap ini, dapat saya simpulkan bahawa dari satu sudut, puisi-puisi ini bagi Sue adalah ruang buatnya untuk mengekspresikan kesedihan. Bagi saya, penulisan dan emosi tidak dapat dipisahkan, bahkan penulisan yang baik dan bernas biasanya lahir dari emosi yang sedang berkocak, sama ada dikocak sepi, sedih, marah, atau bahagia. Saya juga bersetuju bahawa puisi itu mempunyai nyawanya sendiri, hal ini mirip dengan apa yang saya tuliskan dalam tulisan saya yang bertajuk *membunuh seorang puisi*.¹⁶ Di mana saya berpendapat, apabila sebuah puisi itu diterbitkan, ia bukan lagi milik penulis, seperti Gibran yang mengatakan bahawa anak yang sudah dilahirkan bukan milik ibu dan bapanya. Sebaliknya ia hidup sendiri, merewang-rewang di minda pembaca dan ditafsirkan dengan berbeza-beza.

Syabas dan tahniah saya ucapkan pada Sue Emoqwin atas penerbitan puisi-puisi ini. Menerbitkan getus rasa kita yang paling dalam bukanlah hal yang mudah, ia perlu dilakukan dengan berani. Kerana apabila kita mendedahkannya, kita terbuka kepada kritikan dan tafsiran pembaca. Namun sebenarnya, keberanian kita ini juga akan menyentuh jiwa-jiwa, yang merasakan mereka mempunyai perasaan yang sama. Bagi saya itulah anugerah yang diberikan oleh penulis kepada pembaca, pembaca dapat berkongsi perasaan dan dapat menyedari bahawa mereka tidak bersendirian hidup dalam dunia dan perasaan yang mereka simpan mempunyai rakan-rakan dalam bait-bait getusan.

¹⁴ *Ibid.*, halaman 13.

¹⁵ *Ibid.*, halaman 68.

¹⁶ Syed Ahmad Fathi. *Dua Sayap Ilmu*. The Biblio Press, 2023. Lihat terutamanya di halaman 148.

Bibliografi

Sue Emoqwin. 2023. *Satu Hari Bahagi Seribu*. Petaling Jaya, Selangor: Helium Books.

Syed Ahmad Fathi. 2021. "Catatan Baitul Muslim 48: Puisi-Puisi Khalil Gibran." *Meniti Jambatan Masa*. December 3. <https://bersamakepuncak.blogspot.com/2021/12/catatan-baitul-muslim-48-puisi-puisi.html>.

Syed Ahmad fathi. 2023. *Dua Sayap Ilmu*. The Biblio Press.

Syed Ahmad Fathi. 2023. "Pemikiran Sejarah Edward Carr." *Nota Pemikir Sejarah*.

Syed Ahmad Fathi. 2022. "Penafsiran Puisi Moden 'Surat Dari Semesta' Karangan Sofia Roses: Penekanan Pada Makna, Bahasa, Dan Ritma." *Academia Book Review*.

Syed Ahmad Fathi. 2021. "Sejarah Penulisan Dan Periwiyatan Kitab Perjanjian Baru." *Academia Book Review*.